

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [ DUNGUN ]**

**SOALAN NO. 452**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik pencerobohan nelayan asing dan apakah tindakan yang telah diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik penahanan vesel perikanan asing oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang menceroboh perairan negara dari tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN VESEL</b>
2015	107
2016	108
2017	148
2018	110
2019*	96

\* sehingga bulan Jun 2019

2. Berdasarkan tangkapan yang dibuat, vesel asing yang telah dijatuhkan hukuman lucuthak, akan dilupuskan melalui kaedah sama ada ditenggelamkan sebagai tukun tiruan; atau dipecah-pecah atau potong-potong dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah yang sesuai selari dengan Seksyen 52(2) Akta Perikanan (1985). Dari tahun 2015 sehingga 2018, sebanyak 114 buah vesel asing telah dilupuskan sebagai tukun tiruan.